

RM46 juta untuk bangunkan projek rumpai laut

CIB 26/11/2011 A2

KOTA KINABALU: Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bersama Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (Pemandu) memperuntukkan sebanyak RM46 juta untuk Yayasan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengarah Unit Penyelidikan Rumpai Laut UMS, Prof Dr Suhaimi Md Yasir berkata peruntukan itu bagi Projek Mini Estet Sejahtera (Mesej) di Semporna untuk penyuburan rumpai laut.

Menurutnya, UMS diberi kepercayaan oleh pihak Taman-Taman Sabah untuk mengendalikan projek perintis itu yang bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan khususnya bagi penduduk di kawasan terbabit.

"Seramai 40 buah keluarga di Semporna terlibat dengan projek ini dan apabila ia mula beroperasi, setiap keluarga bakal memperolehi

pendapatan sebanyak RM 2,000 sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas perasmian Bangunan Yayasan UMS dan Auditorium Yeoh Tiong Lay (YTL) di sini kelmarin.

Majlis itu dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan turut hadir, Naib Canselor UMS, Briged Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon.

Suhaimi berkata, pihaknya telah mengendalikan projek yang sama di Pulau Banggi, Kudat pada tahun 1998 dan 2007.

Jelasnya, lebih 100 keluarga yang menyertai projek itu kini mampu memperolehi pendapatan antara RM500 dan RM800 sebulan dengan keuntungan.

Beliau turut berharap negara ini mengikuti jejak langkah negara Indonesia

yang mengharamkan eksport bagi rumpai laut mentah dan menggalakkan pemprosesan hiliran dalam negara.

Selain itu, katanya, UMS dan Yayasan UMS berharap akan menjadi pusat kepakaran bagi rumpai laut.